

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

KIT 250 - Pengurusan Industri  
KIT 457 - Pengurusan Industri

Masa : (3 jam)

---

Jawab sebarang LIMA soalan sahaja.

Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi tujuh soalan semuanya (3 muka surat)

---

1. Encik Abdul Rahim, seorang penyelia telah melaporkan bahawa Encik Tan seorang pekerja pengeluaran telah memukulnya di kantin kilang pada 3hb. Julai 1998 lebih kurang jam 3.00 petang. Apakah tindakan anda sebagai seorang Pengurus Sumber Tenaga Manusia?  
(20 markah)
2. Sebagai seorang penyelia, huraikan pendekatan yang akan anda ambil untuk mendapatkan kerjasama dalam kumpulan anda?  
(20 markah)
3. Anda telah dipilih untuk menjalankan 'perundingan'. Bincangkan panduan yang akan digunakan untuk menjalankan perundingan tersebut.  
(20 markah)
4. (a) Kenapa Konflik boleh berlaku?  
(b) Jelaskan jenis-jenis konflik dalam sebuah organisasi?  
(20 markah)
5. (a) Kenapa seorang penyelia perlu berkongsi kuasa membuat keputusan dengan pekerja bawahan?  
(10 markah)  
(b) Mengapakah ISO9000 penting kepada suatu syarikat? Apakah langkah-langkah asas untuk mencapai ISO9001?  
(8 markah)

- (c) Apakah perbezaan utama antara ISO14000 dan ISO9000 ?

(2 markah)

6. Syarikat A dan Syarikat B membeli pelarut daripada pembekal C dan bahan pengaktif daripada pembekal D untuk pembuatan fluks. Syarikat A menggunakan 2 kg pelarut dan 0.5 kg bahan pengaktif untuk mengeluarkan 1 kg fluks sedangkan Syarikat B menggunakan 1 kg pelarut 1 kg bahan pengaktif untuk mengeluarkan 1 kg fluks. Masa kitaran untuk mengeluarkan satu tong fluks yang mengandungi 10 kg kandungan di Syarikat A dan Syarikat B adalah 3 hari dan 2 hari masing-masing.

Berikut adalah jadual pengeluaran tong fluks untuk bulan Disember 1997.

	21 Dis	22 Dis	23 Dis	24 Dis	28 Dis	29 Dis
Pengeluaran Syarikat A (tong)			20	30	50	10
Pengeluaran Syarikat B (tong)	40	80		80		50

- (a) Kira kuantiti kasar harian pelarut daripada pembekal C dan bahan pengaktif daripada pembekal D yang diperlu dibekalkan. Masa penghantaran daripada pembekal kepada pelanggan adalah 24 jam. Berikan jawapan dalam bentuk jadual.

(8 markah)

- (b) Spesifikasi untuk formula D4 dalam sebotol bahan pengaktif adalah di antara 2.0 - 3.0 mg. Kira CpK daripada data jisim formula D4 di bawah yang dianalisis daripada botol bahan pengaktif untuk syif kerja yang berasingan seperti berikut:

2.1	2.2	2.5	2.6	2.6	2.5	2.7	2.8	2.2	2.1	2.3
2.8	2.6	2.5	2.6	2.5	2.4	2.3	2.4	2.2	2.3	2.1
2.4	2.5	2.7	2.4	2.8	2.2	2.2	2.4	2.3	2.5	2.2
2.4	2.2	2.3	2.5	2.6	2.1	2.1	2.3	2.3	2.1	2.4

Apakah makna dan kegunaan CpK?

(7 markah)

- (c) Secara konteks kualiti "6 sigma", anggarkan jumlah sigma proses pencampuran formula D4 ke dalam bahan pengaktif.

(5 markah)

7. (a) Prestasi adalah suatu dimensi kualiti. Dimensi ini menentukan betapa baik suatu produk melaksanakan fungsi tertentu. Beri 5 dimensi kualiti yang lain dan terangkan dalam satu ayat makna dimensi tersebut.

(5 markah)

- (b) Lazimnya semua dimensi kualiti tidak boleh dipraktikkan serentak dalam strategi syarikat tetapi perlu dipraktikkan satu demi satu. Pada pendapat anda, apakah dimensi kualiti yang diamalkan pada awalnya oleh syarikat otomobil dan elektronik Jepun supaya syarikatnya dapat bertanding di pasaran dunia?

(5 markah)

- (c) Kilang anda mengalami masalah dalam pengkakis dan pengaratan mikro dalam papan litar bercetak yang digunakan dalam kamera digital. Kamu mengesyaki pengkakis itu disebabkan oleh asid hidroklorik atau asid sulfurik yang hadir dalam kuantiti yang sangat kecil (~ 1 mg).

- (i) Apakah alatan yang boleh digunakan untuk mengesan pengaratan tersebut dan apakah alatan yang boleh digunakan untuk menentukan kuantiti asid pada papan litar bercetak?

(5 markah)

- (ii) Syarikat anda bercadang untuk membeli alatan yang boleh mengesan kerosakan tersebut daripada salah satu daripada tiga pembekal berikut:

	Pembekal A	Pembekal B	Pembekal C
Perlaksanaan alatan	Baik	Paling baik	Baik
Spesifikasi	Memenuhi	Lebih dari memenuhi	Memenuhi
Sebutharga	US\$100,000	US\$125,000	US\$92,000
Mempunyai personel servis di negara anda	Ya	Ya	Tiada
Jumlah unit yang telah dijual dipasaran	5	7	1(baru dipesan)

Pembekal manakah yang patut dipilih oleh syarikat anda?  
Apakah sebabnya?

(5 markah)

ooo0ooo

